

RIAK BAHASA, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Dikelolakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Diterbitkan dua keluaran setiap tahun, mulai Januari–Jun dan Julai–Disember. Mengandungi berita kebahasaan untuk dikongsikan kepada semua pembaca.

رياق بهاس

Riak Bahasa

محرم – رجب 1430

Januari–Jun 2009 Bil. 8

**Pengarah**

Dr. Mataim Bakar

**Timbalan Pengarah**

Hajah Aminah Haji Momin

**Ketua Editor**

Datin Hajah Kamisah Haji Rahmat

**Penyelaras Editor**

Mauludiah Haji Md. Yusof

**Penolong Penyelaras Editor**

Nornazrahwati Haji Abd. Rahman

**Editor**

Suraini Suhaimi

Hajah Zainab Haji Mat Daud

Khartini Mohd. Hamir

**Ketua Bahagian**

**Penerbitan dan Pemasaran**

Haji Zainal Arifin Begawan Pehin Khatib

Dato Paduka Haji Sirat

**Ketua Bahagian**

**Seni Lukis dan Reka Bentuk**

**dan Seni Foto**

Abdul Malek Haji Metarsat

**Penyelaras Reka Bentuk**

Sait Haji Jali

**Penyelaras Atur Huruf**

Hajah Siti Aminah Haji Md. Tahir

Hajah Ramlah Haji Abd. Rahman

Hajah Fatimah Ibrahim

Hajah Norfulziah Haji Ismail

**KANDUNGAN**

Wacana Penyelaras Editor .....	iii
Perlambangan Konsonan .....	1
Lutanan .....	5
Kesalahan Umum Penggunaan Kata Jamak .....	7
Jawatan, Jabatan dan Pejabat .....	11
Penggunaan Istilah Komputer .....	15
Akhiran -kan dan -an .....	17
Laras Bahasa Undang-Undang dalam Bahasa Melayu .....	19
Penggunaan Perkataan <i>Mana</i> .....	22
Mari Belajar Bahasa Arab .....	26
Padanan Istilah Bahasa Melayu Brunei .....	27
Huruf Diftong .....	29

Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam

© Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

Atur Huruf oleh  
**Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam**

Dicetak oleh  
**Percetakan Aman Abadi Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## Wacana Penyelaras Editor

DALAM USAHA memantapkan penggunaan bahasa Melayu kepada masyarakat, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Forum Bahasa setiap tahun sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Tujuan forum adalah untuk menyeru masyarakat akan kepentingan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan mustahaknya bahasa itu digunakan sebagai bahasa utama di negara ini. Seruan tersebut bukan saja ditujukan kepada masyarakat Melayu, tetapi juga kepada masyarakat berbilang kaum. Bahasa Melayu bahasa yang termaktub dalam perundangan negara patut dihormati, ditaati, dan didaulatkan.

Kekhuatiran timbul apabila masyarakat mula berminat menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi, baik dalam keluarga atau perbualan seharian di pejabat, dalam mesyuarat, surat-menyurat, dan lain-lain. Masyarakat yang berpurih Melayu kini lebih berminat dan fasih berbahasa asing, akibatnya pengayaan kosa kata bahasa Melayu mereka menjadi cetek, malah ada yang tidak dapat menterjemahkan perkataan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu dengan betul. Maka sikap membangga-banggakan bahasa asing perlulah dikikis dalam kalangan masyarakat kita.

Haruslah disedari bahawa pelaksanaan sistem pendidikan nasional yang diperkenalkan di Brunei Darussalam tidaklah bermakna kita telah mengabaikan bahasa Melayu. Namun, kekhuatiran bahasa Melayu itu akan pupus sekiranya masih ada sikap masyarakat yang lebih mengutamakan bahasa asing dalam kehidupan mereka dan anak mereka tidak mempunyai rasa kemilikan terhadap bahasa Melayu. Maka kesedaran para ibu bapa dan para pendidik supaya bijak menanamkan rasa kemilikan dan kecintaan terhadap bahasa Melayu harus sentiasa ada.

Sebagai sebuah negara yang sudah mencapai kemerdekaan, maka adalah wajar bagi masyarakat Brunei mengikuti dan berkecimpung dengan kemajuan masyarakat antarabangsa. Waimapun demikian, kita

haruslah tidak alpa diri dengan mengabaikan dan melupakan jati diri kita sebenarnya, sebagai bangsa Melayu. Kita haruslah berbangga terhadap bahasa kita sendiri dan menjadikan bahasa Melayu tetap berada dalam sanubari di mana pun kita berada.

*Bahasa Jiwa Bangsa*

Penyelaras Editor  
**Mauludiah Haji Md. Yusof**

# Perlambangan Konsonan

*Haji Alipudin Haji Omarkandi*

DARIPADA 37 abjad Jawi, 33 abjad melambangkan huruf konsonan Rumi yang hampir semuanya menjadi lambang satu lawan satu. Huruf *wau* < و > dan huruf *ya* < ي > melambangkan kedua-dua jenis huruf, seperti yang berikut:

## 1. Huruf *wau* < و >

### i. Konsonan /w/

wang	-	واغ
bawa	-	باوا

### ii. Vokal /o/ dan /u/

burung	-	بوروغ
mulut	-	مولوت
borong	-	بوروغ
golok	-	كولوق
kuno	-	كونو

## 2. Huruf *ya* < ي >

### i. Konsonan /y/

sayang	-	سايبغ
yuran	-	يورن

ii. Vokal /i/ dan /e taling/

cicit	-	چيچيت
milik	-	مليک
leceh	-	ليچيه
tebeng	-	تبيغ
silet	-	سيليت

Dalam sistem ejaan Rumi baru bahasa Melayu, terdapat dua huruf konsonan yang berturut-turut mewakili satu bunyi (digraf) seperti *ng*, *ny*, *sy*, *kh*, dan *gh*. Padanan atau lambang huruf Jawi bagi huruf konsonan rangkap ini seperti yang berikut:

ng	-	غ	-	غاغا
ny	-	پ/ن	-	پاپي/هاث
sy	-	ش	-	شريكة
kh	-	خ	-	خبر
gh	-	غ	-	غيره

Yang berikut, dijelaskan tiga perkara yang berhubung dengan perlambangan konsonan:

1. Dalam sistem ejaan Jawi baru ini, huruf *va* (*wau* bertitik di atas) dicipta sebagai lambang konsonan /v/. Huruf *va* dicipta untuk keperluan kata serapan, seperti kata serapan daripada bahasa Inggeris. Contohnya:

aktiviti	-	اكتيوييتي
dividen	-	ديويدن

revolver	-	ريڤولڤر
visa	-	ڤيسا
video	-	ڤيديو
universiti	-	اونيورسيٽي

2. Dalam sistem ejaan Jawi lama, bunyi hentian glotis ( ʔ ) di akhir kata diberi padanan dengan huruf *qaf*, *kaf*, atau *hamzah*, seperti باتوق (batuk), بأيق (baik), dan روكوق (rokok). Dalam sistem ejaan Jawi baru, bunyi hentian glotis diberikan padanan *qaf* di akhir kata jati Melayu. Contohnya:

baik	-	باءيق
rokok	-	روكوق
songkok	-	سوغكوق
patik	-	ڤاتيق
naik	-	نائيق

Bagi kata serapan daripada bahasa Arab, huruf *qaf*, *kaf*, dan *hamzah* tetap digunakan di akhir kata. Contohnya:

hak	-	حق
khalak	-	خلق
malak	-	ملك
milik	-	ميليک
isyak	-	عشاء
wuduk	-	وضوء

3. Huruf *ta marbutah* (*ta* simpul) hanya digunakan untuk kata serapan daripada bahasa Arab yang melambangkan bunyi [t] atau [h], tetapi tidak membezakan makna. Contohnya:

akbah/akibat	-	عقبة
hidayah/hidayat	-	هداية
musibah/musibat	-	مصيبة
ibadah/ibadat	-	عبادة
syahadah/syahadat	-	شهادة
qiraah/qiraat	-	قراءة

Demikianlah perlambangan konsonan yang dapat dijelaskan.



# Lutanan

*Hajah Saddiah Ramli*

ADA SEBILANGAN orang melakukan sesuatu kerja itu hanya sambil lewa sahaja, tetapi tidak juga kurang sebilangannya lagi yang mengerjakan sesuatu pekerjaan itu dengan cermat. Oleh sebab kecermatan itu, mereka membuat sesuatu pekerjaan itu dengan teliti agar hasilnya sempurna dan kemas. Oleh itu kata yang bersinonim dengan cermat ialah teliti.

Ada juga sebilangan orang membuat kerja dengan teliti, tetapi tidak cermat, maka hasilnya kurang memuaskan jika dibandingkan dengan mereka yang bekerja dengan cermat dan teliti. Peribahasa yang sesuai dikisahkan dengan pekerjaan yang dilakukan seperti ini ialah *biar lambat asalkan selamat* yang bermaksud sesuatu kerja yang dibuat haruslah berhati-hati dan cermat yang boleh mendatangkan hasil yang sempurna.

Dalam bahasa Melayu Brunei terdapat satu kosa kata yang membawa makna seperti yang tersebut di atas. Kosa kata yang dimaksudkan ialah **lutanan**. Dalam *Kamus Bahasa Melayu Brunei* (2007:200), kata dasar bagi perkataan **lutanan** ialah *lut*. Menurut pengertian yang diberikan dalam *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (2008:1666), kata **lutanan** bermaksud sangat teliti dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Makna lain yang diberikan untuk kata **lutanan** dalam kamus yang sama ialah melakukan pekerjaan, dengan sangat cermat (2003:1666) seperti dalam contoh ayat yang berikut:

- a. *Mereka disarankan menangani sesuatu tugas yang diamanahkan dengan **lutanan** agar hasilnya memuaskan hati semua pihak.*
- b. *Siti Namira menyusun kata-kata dalam pidatonya dengan **lutanan**.*
- c. *Kalau hendak mengedit artikel ini, hendaklah dengan **lutanan**, kata ketuanya.*

## Rujukan

- Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, 1999. *Kamus Inggeris – Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007. *Kamus Bahasa Melayu Brunei Edisi Kedua*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Kesalahan Umum Penggunaan Kata Jamak

*Datin Hajah Kamisah Haji Rahmat*

DALAM PENGGUNAAN bahasa Melayu sehari-hari, ramai pengguna bahasa yang tersilap menggunakan kata bilangan seperti contoh di bawah. Perhatikan kesilapan penggunaan **setengah-setengah** menjadi **\*setengah-tengah** atau **\*setengah**.

Contoh ayat:

1. *Setengah-setengah* orang tidak tahu membaca tulisan Jawi. bukannya,
  - a. **\*Setengah-tengah** orang tidak tahu membaca tulisan Jawi.
  - b. **\*Setengah** orang tidak tahu membaca tulisan Jawi.

Kata bilangan **setengah-tengah** tidak ada dalam bahasa Melayu, tetapi **setengah** boleh digunakan untuk menunjukkan separuh atau sebahagian, seperti ayat yang berikut:

2. a. Bendera itu dinaikkan *setengah* tiang.  
b. Dia minum *setengah* gelas air.
- c. Kata jamak boleh digunakan pada kata bilangan pisahan seperti berpuluh-puluh, beratus-ratus, kedua-dua, ketujuh-tujuh dan sebagainya. Di sini kesilapan yang kerap dibuat ialah perkataan **tiap** yang sepatutnya ditulis **setiap** atau **tiap-tiap**.
3. *Tiap-tiap* hari, dia mencuci baju.  
atau, *Setiap* hari, dia mencuci baju.  
bukannya, **\*Tiap** hari, dia mencuci baju.

- d. Kata bilangan himpunan digunakan untuk menunjukkan jamak seperti berpuluh-puluh, beratus-ratus, kedua-dua, ketujuh-tujuh dan sebagainya.

4a. **Kedua-dua** budak itu pergi ke sekolah.  
bukannya, **kedua** budak itu pergi ke sekolah.

Perkataan **kedua** boleh digunakan sebagai penerang seperti dalam ayat yang berikut:

4b. Budak itu memenangi tempat **kedua** dalam pertandingan berpidato.

- e. Kata jamak yang menerangkan kata bilangan pecahan boleh diperhatikan pada penggunaan kata sepertiga, seperlima, setengah, dan sebagainya.

Perkataan **setengah** bagi menunjukkan kata bilangan tidak dapat digunakan bagi memadamkan kata dasar **orang**, seperti ayat:

5. \***Setengah** orang tidak mempedulikan kesalahan ejaan.

Kata **setengah** digunakan seperti pada perkara 2a dan 2b.

3. Kata-kata yang sudah mendukung pengertian jamak tidaklah harus diulang untuk menunjukkan jamaknya; seperti mereka, rakyat, hadirin, hadirat, senarai, angkatan, persatuan, dan sebagainya.

Contoh ayat:

6. **Mereka** yang belum mendaftarkan nama dikehendaki datang ke pejabat.  
bukannya, \***Mereka-mereka** yang belum mendaftarkan nama dikehendaki datang ke pejabat.

7. Menteri itu melawat **rakyat** jelata.  
bukannya, \*Menteri itu melawat **rakyat-rakyat** jelata.
8. Senarai nama calon telah diterima.  
bukannya, a. \***Senarai nama-nama calon** telah diterima.  
b. \***Senarai nama calon-calon** telah diterima.
9. **Persatuan Penari** Tanah Air mempersembahkan tarian asli.  
bukannya, **Persatuan Penari-Penari** Tanah Air mempersembahkan tarian asli.
10. Minggu **Pameran Barang Kemas** sedang diadakan.  
bukannya, **Minggu Pameran Barang-Barang Kemas** sedang diadakan.
4. Kata jamak boleh didapati pada kata sifat yang diulang dalam hubungan predikat. Misalnya, cantik menjadi cantik-cantik, dan tinggi dijamak menjadi tinggi-tinggi. Dengan mengulangi sifat cantik menjadi cantik-cantik, sudah tergambar maksud jamak dan kata nama (objek) tidak perlu diulang. Contohnya:
  11. *Perempuan itu cantik-cantik belaka.*  
bukannya, \***Perempuan-perempuan** itu cantik-cantik belaka.
  12. *Bangunan itu nampaknya tinggi-tinggi.*  
bukannya, \***Bangunan-bangunan** itu nampaknya tinggi-tinggi.

Banyak contoh lain boleh digunakan sebagai perbandingan untuk mengesan kesalahan dalam struktur ayat bahasa asing yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Contohnya:

1. *There are many books on the table.*  
\* **Banyak buku-buku** ada di atas meja.  
memadailah ditulis, **Banyak buku** ada di atas meja.

2. *She has many beautiful dresses.*  
\* Dia mempunyai **banyak baju-baju** yang cantik-cantik.  
sebaiknya, Dia mempunyai **banyak baju** yang cantik.
3. *All students went to school.*  
\* **Semua murid-murid** pergi ke sekolah.  
sebaiknya, **Semua murid** pergi ke sekolah.
4. *Four trainees from this department left for Singapore.*  
\* **Empat orang pelatih-pelatih** jabatan ini belayar ke Singapura.  
sepatutnya, **Empat orang pelatih** jabatan ini belayar ke Singapura.

Kita tidak dapat menterjemah sesuatu ayat mengikut satu persatu kata. Ia boleh merosakkan struktur ayat dan maknanya, serta mencemarkan bahasa yang diterjemah.

# Jawatan, Jabatan, dan Pejabat

*Kamsiah Kassim*

BAHASA MELAYU dan bahasa Indonesia merupakan bahasa serumpun yang diturunkan daripada keluarga Austronesia yang berlatarbelakangkan sejarah, sosiobudaya, dan bahasa masing-masing yang memiliki bahasa kebangsaannya tersendiri. Kedudukan geografi dan sosiobudaya pengguna bahasa itu boleh memperlihatkan identiti dan asal usul penuturnya.

Sekalipun bahasa yang kita warisi ini bahasa serumpun, ada juga perbezaan yang amat ketara dalam penggunaannya. Umpamanya kata *jawatan*, *jabatan* dan *pejabat*. Kata ini mempunyai makna yang amat berbeza dan mengelirukan bagi orang yang baru pertama kali mendengarnya, terutama sekali apabila orang Brunei atau orang Malaysia berkomunikasi dengan orang Indonesia, masing-masing menuturkan bahasa ibunda mereka. Persoalannya, apakah kata-kata yang sudah dianggap baku itu boleh difahami oleh setiap orang?

Di bawah ini dipaparkan beberapa contoh ayat yang memperlihatkan penggunaan kata yang sama, tetapi mempunyai makna yang berbeza antara bahasa Melayu (BM) dan bahasa Indonesia (BI):

- BM – *Dia memegang **jawatan** yang paling penting di sebuah **jabatan** kerajaan.*
- BI – *Dia memegang **jabatan** yang paling penting di sebuah **jawatan** pemerintah.*
  
- BM – *Setelah **menjawab** sesuatu **jawatan**, **pegawai** berkenaan mestilah patuh dengan peraturan **pejabat**.*
- BI – *Setelah **menjabat** sesuatu **jabatan**, **pejabat** berkenaan mestilah patuh dengan peraturan **jawatan**.*
  
- BM – *Dia pergi ke **pejabat** pos.*
- BI – *Dia pergi ke **kantor** pos.*

- BM – **Jabatan** *Penerangan*  
 BI – **Jawatan** *Penerangan*
- BM – *surat* **jabatan**  
 BI – *surat* **dinas**
- BM – *Kejadian itu harus secepatnya dilaporkan kepada* **jabatan** *yang bertanggungjawab.*  
 BI – *Kejadian itu harus secepatnya dilaporkan kepada* *instansi/jawatan/kantor* *yang berwenang.*

Berdasarkan dari contoh ayat di atas, jelaslah bahawa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu mempunyai jurang perbezaan makna yang amat ketara. **Jawatan** dan **jabatan** dalam bahasa Melayu bertentangan maknanya dengan bahasa Indonesia, **jawatan** dipadankan dengan **jabatan** dan **jabatan** pula dipadankan dengan **jawatan**. Dalam bahasa Indonesia, **jawatan** juga dipanggil sebagai dinas atau instansi. **Pejabat** pula dikenali dengan **kantor** dan **pegawai** pula lebih dikenali sebagai **pejabat** atau **karyawan**.

Di bawah ini dihuraikan takrif dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia yang dipetik dari *Kamus Bahasa Melayu Nusantara* (KBMN):

KATA	BAHASA MELAYU	BAHASA INDONESIA
Jawatan	kedudukan, pangkat atau pekerjaan seseorang dalam kerajaan dan sebagainya.	bahagian daripada kementerian atau pemerintah daerah yang mengurus (menyelenggarakan) sesuatu tugas pekerjaan yang luas lingkungannya.
Menjawat	memegang atau menerima sesuatu kedudukan, pangkat dsb; memegang jawatan.	



Jabatan	bahagian daripada pentadbiran kerajaan dan sebagainya yang mengurus tugas-tugas tertentu.	pekerjaan (tugas, dalam pemerintahan atau organisasi).
Menjabat		melakukan atau memegang sesuatu pekerjaan, pangkat, dan sebagainya.
Pejabat	bangunan dan sebagainya tempat bekerja atau tempat mengurus pelbagai urusan.	pegawai kerajaan yang memegang jawatan penting.
Pegawai	orang yang bekerja dengan kerajaan atau pemerintah (perusahaan dan lain-lain).	* diterima dalam bahasa Indonesia.
Dinas		1) bahagian pejabat pemerintah yang mengurus pekerjaan tertentu; 2) segala sesuatu yang bersangkutan dengan jabatan pemerintah.
Instansi		badan pemerintahan umum seperti jabatan dan pejabat.
Kantor		balai (gedung, rumah, ruang) tempat mengurus sesuatu pekerjaan (perusahaan dan sebagainya); tempat bekerja; pejabat.

Karyawan	penghasil karya (seperti novel dan lukisan); pencipta (pengarang, pelukis, dan sebagainya).	orang yang bekerja di sebuah institusi, pejabat, perusahaan, dan sebagainya dengan mendapat gaji; pegawai; buruh; pekerja.
----------	---	--

Meskipun bahasa Melayu itu serumpun, namun perbezaan dalam penggunaan sebahagian kata yang sama selalu berlaku. Oleh itu, salah satu langkah untuk mengetahui cara penggunaan dan erti sesuatu kata itu ialah dengan cara merujuk kamus.

# Penggunaan Istilah Komputer

*Hajah Zainab Haji Mat Daud*

DALAM ERA globalisasi ini teknologi maklumat berkembang dengan pesat. Masyarakat lebih senang menggunakan komputer dalam urusan kerja seharian.

Peranan komputer dalam teknologi maklumat sebagai wahana untuk pelaksanaan komunikasi yang bersifat global sudah diketahui umum akan kepentingannya. Bahasa yang banyak digunakan dalam dunia pengkomputeran pada waktu ini ialah bahasa Inggeris. Bahasa ini merupakan sumber istilah yang digunakan sebagai bahasa dasar dalam bidang pengkomputeran kerana aplikasi komputer yang tersedia semuanya menggunakan bahasa Inggeris.

Di sini diperkenalkan sebahagian daripada istilah-istilah komputer yang telah disepakati oleh MABBIM (Majlis Bahasa B-I-M). Istilah ini dianggap asing penggunaannya dalam bahasa Melayu, terutama di kalangan masyarakat Brunei Darussalam. Mereka cenderung menggunakan istilah asal kerana sudah terbiasa dan menganggapnya ringkas dan senang disebut tanpa meragukan pengertiannya. Ini mungkin kerana kebanyakan pengguna komputer pada dasarnya berpendidikan Inggeris.

## Contoh:

Istilah sumber	Istilah Melayu yang telah diputuskan oleh MABBIM	Istilah yang cenderung dipakai mengikut sebutan
address	alamat	adres
access	capaian	akses
bold	tebal	<i>bold</i>
browse	semak seimbis	braus

character	aksara	karakter
copy	salin	<i>copy</i>
cut	potong	<i>cut</i>
delete	hapus	dilit
download	muat turun	daunlod
edit	semak	edit
hard copy	cetakan	<i>hard copy</i>
hardware	perkakasan	hadwer
insert	sisip/selit	<i>insert</i>
keyboard	papan kekunci	keybod
margin	jidar	majin
mouse	tetikus	maus
network	rangkaian	<i>network</i>
paste	tampal	pes
print	cetak	<i>prin</i>
printer	pencetak	<i>printer</i>
program	atur cara	<i>program</i>
scanner	penyemak seimbis	skaner
software	perisian	sofwer
sort	isih	<i>sort</i>
spacing	jarak	<i>spacing</i>
spreadsheet	hamparan	<i>spreadsheet</i>
tool	alat	<i>tool</i>
undo	buat asal	<i>undo</i>
upload	muat naik	uplod

Penggunaan istilah yang tidak berasas ini boleh mencemarkan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Oleh itu, kita sebagai penutur bahasa Melayu haruslah sama-sama berusaha mengembangkan bahasa Melayu supaya menjadi bahasa yang maju.

## Akhiran -kan dan -an

*Noretta Jumat*

DALAM BAHASA Melayu terdapat empat bentuk pengimbuhan iaitu awalan, akhiran, apitan, dan sisipan seperti **-i**, **-an**, dan **-kan**. Tulisan yang ringkas ini akan memperkatakan imbuhan akhiran iaitu **-kan** dan **-an**.

Imbuhan akhiran ialah imbuhan yang ditambahkan pada bahagian belakang kata dasar. Sebagai contoh penggunaan imbuhan **-an** dalam kata masak**an** digunakan sebagai bentuk kata nama terbitan, dan **-kan** dalam kata masak**kan** yang membawa makna memasak untuk orang lain adalah juga sebagai bentuk kata kerja terbitan.

Ada sesetengah pengguna bahasa Melayu keliru dalam menentukan ejaan yang tepat atau penggunaan imbuhan akhiran yang betul apabila berhadapan dengan ejaan yang berakhiran dengan huruf **k**, seperti tarik**k**, golek**k**, galak**k**, gerak**k**, longgok**k**, dan sebagainya.

Untuk mengelak perkara ini berlaku, pengguna bahasa Melayu hanya perlu tahu bahawa untuk kata nama terbitan, akhiran yang patut digunakan ialah **-an**, bukan **-kan**. Perhatikan contoh yang berikut:

galak	-	galak+ <b>an</b>	→	galak <b>an</b>
gerak	-	gerak+ <b>an</b>	→	gerak <b>an</b>
longgok	-	longgok+ <b>an</b>	→	longgok <b>an</b>
masak	-	masak+ <b>an</b>	→	masak <b>an</b>
tarik	-	tarik+ <b>an</b>	→	tarik <b>an</b>

Contoh ayat dalam penggunaan akhiran **-an**:

- Galak**an** yang diterima daripada guru-gurunya membangkitkan semangat untuknya bertanding dalam acara ini.
- Gerak**an** mencari mangsa yang lemas masih dilakukan.
- Lalat suka hinggap di longgok**an** sampah.
- Saya lebih gemar memakan masak**an** Melayu.
- Reka bentuk bangunan itu mempunyai daya tarikan**an** yang menakjubkan.

Akhiran -kan digunakan untuk kata kerja terbitan.

galak	-	galak+ <b>kan</b>	galak <b>kan</b>
gerak	-	gerak+ <b>kan</b>	gerak <b>kan</b>
ketuk	-	ketuk+ <b>kan</b>	ketuk <b>kan</b>
longgok	-	longgok+ <b>kan</b>	longgok <b>kan</b>
tunjuk	-	tunjuk+ <b>kan</b>	tunjuk <b>kan</b>

Contoh ayat dalam penggunaan akhiran **-kan**.

- a. Galak**kan** pelajar mengisi waktu lapang dengan kegiatan yang berfaedah.
- b. Mereka menggerak**kan** almari yang berat itu perlahan-lahan.
- c. Ketuk**kan** saya paku itu di dinding.
- d. Dia melonggok**kan** makanan itu di atas meja.
- e. Tunjuk**kan** saya baju baru yang enak kamu belikan untuk kamu.

# Laras Bahasa Undang-Undang dalam Bahasa Melayu

*Muhamad Norsah Shahrul Mazlan*

LARAS BAHASA ialah variasi penggunaan bahasa mengikut bidang tertentu, perbezaan laras tersebut disebabkan wujudnya pelbagai bidang ilmu, maka untuk menyesuaikan dengan laras mengikut bidang tersebut muncullah perkataan-perkataan khusus. Misalnya bidang sukan; kita akan menemui perkataan seperti bola sepak, jaringan, gawang, gol, tendangan dan sebagainya. Begitu juga yang terdapat dalam bahasa undang-undang.

Bahasa undang-undang jarang digunakan atau didengar di tempat awam, kecuali apabila kita menghadiri sesuatu perbicaraan yang selalunya diadakan di mahkamah seperti dakwaan, peguam bela, defendan, rayuan, denda, dan sebagainya.

Bahasa undang-undang memang mempunyai istilah yang tersendiri khusus untuk penggunaannya. Oleh itu penggunaan istilah undang-undang berbeza dalam bahasa Melayu; seperti kata sumber *fine*, *trial*, *lodge*, *charge*, dan *punish*.

Sumber (bahasa Inggeris)	Laras bahasa Melayu	Laras bahasa undang-undang
<i>Fine</i>	1. bermutu tinggi 2. cantik 3. terang (untuk cuaca), baik, bagus 4. halus	denda

- Contoh ayat:
1. Hasil karya pelukis itu sangat **bermutu tinggi** dan **cantik**, oleh itu ia dijual dengan harga yang sangat mahal.
  2. Pencuri itu telah disabit kesalahannya dan telah dijatuhi **denda** sebanyak \$5,000.00.
  3. Cuaca hari ini sungguh **baik**.

Sumber (bahasa Inggeris)	Laras bahasa Melayu	Laras bahasa undang-undang
<i>Trial</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. tempoh percubaan dengan cara menguji kebolehan dan sebagainya</li> <li>2. dugaan</li> </ol>	perbicaraan

- Contoh ayat:
1. Sebelum dia diambil bekerja secara tetap, dia telah diberi **tempoh percubaan**.
  2. Penganas itu telah menghadapi **perbicaraan** di mahkamah besar atas percubaan untuk megebom pangkalan tentera.

Sumber (bahasa Inggeris)	Laras bahasa Melayu	Laras bahasa undang-undang
<i>Lodge</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. rumah desa/rumah tumpangan</li> <li>2. menempatkan sementara</li> </ol>	membuat aduan

- Contoh ayat:
1. Orang kaya itu mempunyai sebuah **rumah desa** di selatan Itali.
  2. Dia telah **membuat aduan** kepada polis tentang perlakuan jirannya.
  3. Jabatan Kebajikan Masyarakat **menempatkan** mangsa bencana alam di rumah teres Lambak Kanan.



Sumber (bahasa Inggeris)	Laras bahasa Melayu	Laras bahasa undang-undang
<i>Charge</i>	1. caj, bayaran 2. tanggungan, jagaan 3. cas	pertuduhan

- Contoh ayat:
1. Dia bekerja keras kerana mempunyai **tanggungan** yang ramai.
  2. Pengurus bank itu telah ke mahkamah untuk menjawab segala **pertuduhan** rasuah ke atasnya.

Sumber (bahasa Inggeris)	Laras bahasa Melayu	Laras bahasa undang-undang
<i>Punish</i>	1. menyakiti 2. menghentam	hukuman

- Contoh ayat:
1. Teman wanita Jeffri marah kerana Jeffri telah **menyakiti** hatinya dengan menjumpai perempuan lain.
  2. Penjenayah itu dikenakan **hukuman** yang paling berat kerana membunuh.

Beberapa contoh ayat di atas menunjukkan perbezaan penggunaan kata dan maknanya antara bahasa undang-undang dengan bentuk penggunaan umum dalam bahasa Melayu baku. Kesimpulannya, bahasa undang-undang mempunyai maksudnya tersendiri.

# Penggunaan Perkataan *Mana*

*Mohammad Rudy Asmawi Haji Matassan*

DALAM BAHASA Melayu, kita tidak terlepas daripada menggunakan perkataan *mana*, sama ada dalam bidang penulisan novel, sajak, cerpen, puisi, syair, atau pantun. Perkataan *mana* mempunyai pelbagai makna dalam ayat, lebih-lebih lagi apabila menerima imbuhan awalan atau akhiran. Walau bagaimanapun kita biasanya memakainya dalam bentuk pertanyaan atau soalan.

Merujuk *Kamus Dewan* edisi keempat perkataan *mana* memberi makna yang berikut apabila diawali dengan yang.

1. Untuk menanyakan benda dalam satu kumpulan atau kelompok.

Contoh ayat:

- a) *Kereta yang **mana** satukah yang hendak awak beli?*
- b) *Yang **mana** satu budak yang nakal?*

2. Untuk menanyakan tempat. Selalunya didahului dengan kata sendi */di/* atau */ke/*.

Contoh ayat:

- a) *Di **manakah** letaknya gunung Kalimanjaro?*
- b) *Ke **manakah** awak hendak pergi?*

3. Untuk menanyakan keadaan atau cara sesuatu, selalunya didahului dengan perkataan *bagai* atau *macam*.

Contoh ayat:

- a) ***Bagaimana** hendak membuat perahu ini?*
- b) *Macam **mana** awak boleh berjaya mendaki gunung yang tertinggi di dunia itu?*

Perkataan **mana** ini jika digandakan menjadi **mana-mana** boleh membawa maksud siapa-siapa.

Contoh ayat:

***Mana-mana** pelajar yang hendak melanjutkan pelajaran ke universiti, hendaklah lulus peperiksaan peringkat 'A' dengan cemerlang.*

Jika perkataan **mana** disambung dengan perkataan kala (manakala), ia bermaksud *apabila* atau *tetapi* dan *sedangkan*.

**Manakala** juga bersinonim dengan perkataan apabila dan bilamana iaitu yang memberi makna untuk menandakan syarat atau waktu. Maka ketiga-tiga perkataan tersebut boleh digunakan bagi maksud yang sama.

Contoh ayat:

- a) ***Manakala/Apabila/Bilamana** hari hampir senja, para petani pun pulang ke rumah.*
- b) *Ibunya tersenyum **manakala/apabila/bilamana** melihat anaknya sudah sembuh.*

**Manalagi** juga membawa maksud lebih-lebih lagi, tambahan lagi, dan apa lagi.

Contoh ayat:

- a) ***Manalagi** barang yang saya berikan tempoh hari.*

Dalam bahasa Melayu Brunei, perkataan **mana** juga digunakan bagi maksud tertentu, iaitu:

1. **Mana** dapat disinonimkan dengan kata **mana boleh** yang membawa maksud *tidak* mungkin atau mustahil.

Contoh ayat:

- a) **Mana** dapat/**mana** boleh lagi masuk kerana waktu melawat sudah habis.
- b) **Mana** dapat/**mana** boleh kalau sudah memberi, meminta lagi kata orang tua-tua, memberi buruk siku.

2. **Mana** bersinonim dengan **manatah** atau **manakah** atau **manalah**.

Contoh ayat:

*Manatah/Manakah/Manalah* kau gunai, kakanya atau adinya?

3. **Mana** saja jika ditambah dengan kata membawa maksud terserah.

Contoh ayat:

*Mana saja* pilihanmu aku setuju.

Pentingnya perkataan **mana** dalam apa pun bentuk percakapan atau penulisan, sehingga terakam dalam pantun ini:

*Dua tiga kucing berlari  
Manakan sama si kucing belang  
Dua tiga boleh kucari  
Manakan sama cik adik seorang.*

**Manakan** di sini boleh disinonimkan dengan kata tidak, **mana** boleh, **manatah** boleh, dan bagai**mana**. Begitu juga dengan tambahan/kan/ pada kata **mana** menjadi **manakan**, ia memberi makna lebih-lebih lagi atau apa lagi, atau mana pula, dan sebagainya.

Berikut diberikan contoh penggunaan ayat bagi perkataan **mana**:

- 1) Manakan : *Ibu **manakan** jemu memelihara anaknya!*
- 2) Manatah : *Jikalau tidak ada kayu, **manatah** boleh api itu menyala.*  
: *Kalau saya tidak gigih, **manatah** saya dapat hasilnya.*  
: *Kalau tidak dipecahkan ruyung, **manatah** boleh dapat sagunya.*
- 3) Yang mana : *Baju **yang mana** satu yang tadi hendak awak pakai?*  
: ***Yang mana** satu dalam kalangan kamu dapat menyelesaikan masalah ini?*
- 4) Di mana : *Kita dapat saksikan **di mana-mana** sahaja perlawanan bola sepak itu sama ada di internet atau televisyen.*  
: ***Di mana** letaknya gunung yang tertinggi di dunia?*
- 5) Ke mana : *Perahu Pak Ali hilang entah **ke mana**.*  
: ***Ke mana** sajatah Rahim pergi? Sudah lebih seminggu, baru nampak batang hidungnya.*
- 6) Manakala : *Semua barang itu disusun di kedai, **manakala** selebihnya disimpan di dalam stor.*
- 7) Mana lagi : *Bilik **mana lagi** yang belum diubah suai?*  
: ***Mana** lagi buku-buku yang saya pinjamkan dahulu?*

## Mari Belajar Bahasa Arab

Hardi Mahdeli

PENGGUNAAN KATA ganti nama diri untuk manusia dalam bahasa Arab tidak sama seperti dalam bahasa Melayu. Ada antara kata ganti nama diri dalam bahasa Arab mempunyai sebutan yang tersendiri bagi kaum lelaki ( مُذَكَّرٌ ) dan kaum perempuan ( مُؤَنَّثَةٌ ). Kaum lelaki dirujuk sebagai *muzakar* dan kaum perempuan dirujuk sebagai *muanas*. Kaedah ini mengikut tatabahasa Arab yang dipanggil *Al-Qawaid*.

Kata Ganti Nama Diri	Lelaki (muzakar)	Perempuan (muanas)
Saya	أَنَا	أَنَا
Awak	أَنْتَ	أَنْتِ
Dia	هُوَ	هِيَ
Kami	نَحْنُ	نَحْنُ
Kamu	أَنْتُمْ	أَنْتُنَّ
Mereka	هُمْ	هُنَّ

Keluaran *Riak Bahasa* akan datang, akan memperkatakan tentang nama-nama binatang dalam bahasa Arab, insya-Allah.

# Padanan Istilah Bahasa Melayu Brunei

*Mauludiah Haji Md. Yusof*

NEGARA BRUNEI Darussalam dengan rasminya menjadi anggota Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) pada 4 November 1985, iaitu pada Sidang Ke-24 di Jakarta, Indonesia. Dengan penyertaan Brunei, MBIM berkembang menjadi MABBIM iaitu Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia. Antara bahan-bahan yang telah dimesyuaratkan ialah istilah-istilah dalam bidang Sains Asas, Sains Gunaan, dan Sains Sosial. Antara istilah-istilah yang diberi padanan kepada bahasa sumber ialah bahasa Melayu Brunei. Hasil keputusan mesyuarat tersebut disenaraikan seperti yang berikut:

## Istilah Obstetrik dan Ginekologi diputuskan dalam Sidang Ke-26 MABBIM

### **Istilah Melayu**

abrupsi *tabuni*/abrupsi plasenta  
air *tatuban* depan  
*anak damit* limpas hari  
*anak damit* baru lahir (neonat)  
bendalir *tatuban*/bendalir amnion  
ekspresi *tabuni*/ekspresi plasenta  
ekspresi *tabuni* manual/ekspresi  
plasenta manual  
infark *tabuni*/infark plasenta  
kantong *tatuban*/kantong amnion  
lipatan *tatuban*/lipatan amnion  
*mandaring*  
*mandaring* berumur  
mikrovilus *tabuni*/mikrovilus  
pecah selaput *tatuban*  
pecah selaput *tatuban* pramasa

### **Istilah Sumber**

- *abruptio placenta*
- *forewater*
- *post-term infant*
- *newborn (neonate)*
- *amniotic fluid*
- *expression of placenta*
- *manual expression of placenta*
- *placental infarctas*
- *amniotic sac*
- *amniotic fold*
- *prima gravida*
- *elderly primagravida*
- *placental microvilli*
- *rupture of membrances*
- *premature rupture of membrances*

pecah selaput <i>tatuban</i> spontan	-	<i>spontaneous rupture</i>
pengeluaran <i>tabuni</i> manual/pengeluaran plasenta manual	-	<i>manual removal of placenta</i>
<i>petabunian</i> /plasentasi	-	<i>placentation</i>
pindahan <i>tabuni</i> /pindahan plasenta	-	<i>placental transfer</i>
rintangan <i>tabuni</i> /rintangan plasenta	-	<i>placental barrier</i>
selaput <i>tatuban</i> /selaput amnion	-	<i>amniotic membrane</i>
selaput <i>tabuni</i> /selaput plasenta	-	<i>placental membrane</i>
septum <i>tabuni</i> /septum plasenta	-	<i>placental septum</i>
sista <i>tabuni</i> /sista plasenta	-	<i>placental cyst</i>
<i>tabuni</i> aksesori/plasenta aksesori	-	<i>accessory placenta</i>
<i>tabuni</i> anular/plasenta anular	-	<i>annular placenta</i>
<i>tabuni</i> bilobus/plasenta bilobus	-	<i>bilobate placenta</i>
<i>tabuni</i> inkarserat/plasenta inkarserat	-	<i>incarcerated placenta</i>
<i>tabuni</i> /plasenta	-	<i>placenta</i>
<i>tabuni</i> ladam/plasenta ladam	-	<i>horseshoe placenta</i>
<i>tabuni</i> membranasea/plasenta membranasea	-	<i>membranacea placenta</i>
<i>tabuni</i> multilobus/plasenta multilobus	-	<i>multilobate placenta</i>
<i>tabuni</i> rekat/plasenta rekat	-	<i>adherent placenta</i>
<i>tabuni</i> sirkumvalat/plasenta sirkumvalat	-	<i>circumvallate placenta</i>
<i>tabuni</i> spuria/plasenta trilobus	-	<i>spuria placenta</i>
<i>tabuni</i> tertahan/plasenta tertahan	-	<i>retained placenta</i>
<i>tabuni</i> trilobus/plasenta trilobus	-	<i>trilobate placenta</i>
<i>tabuni</i> zonari/plasenta zonari	-	<i>zonary placenta</i>
<i>tatuban</i> /amnion	-	<i>amnion</i>
<i>tatuban</i> nodosum/amnion nodosum	-	<i>amnion nodosum</i>
tekanan <i>tatuban</i> /tekanan amnion	-	<i>amniotic pressure</i>

Perkataan bahasa Melayu Brunei yang telah diberikan padanannya ialah anak damit, mandaring, petabunian, tabuni, dan tatuban.



# Huruf Diftong

*Mauludiah Haji Md. Yusof*

RIAK BAHASA akan memuatkan siri bimbingan panduan sistem ejaan Rumi bahasa Melayu. Sistem ejaan Rumi ini merupakan satu sistem yang telah diperkenalkan di Brunei pada tahun 1983, dan mula diserapkan penggunaannya kepada para pelajar sekolah di semua peringkat pembelajaran bahasa Melayu melalui khidmat guru-guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah masing-masing. Kursus ini juga telah diberikan kepada mereka yang berkhidmat dengan jabatan-jabatan kerajaan. Tujuan sistem baru ini diperkenalkan adalah untuk menyeragamkan sebutan dalam bahasa Melayu. Dalam keluaran ini akan diterangkan penggunaan **huruf diftong**.

Dalam bahasa Melayu ada terdapat 26 huruf abjad tulisan Rumi, 5 daripada huruf-huruf tersebut dinamakan sebagai huruf vokal atau huruf saksi iaitu a, e, i, o, dan u. Dari huruf vokal tersebut terbentuknya huruf yang dinamakan sebagai **huruf diftong**.

**Huruf diftong** bermaksud gabungan dua bunyi huruf vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah. Huruf-huruf diftong ialah **ai**, **au**, dan **oi**. Huruf ini juga disebut sebagai **huruf vokal gabung**. Contoh perkataan yang mengandungi huruf diftong ialah:

<b>ai</b>	<b>au</b>	<b>oi</b>
<b>ai</b> -sing	ang- <b>pau</b>	am- <b>boi</b>
ba- <b>lai</b>	<b>bau</b> -lu	a- <b>moi</b>
cu- <b>kai</b>	cin- <b>cau</b>	ba- <b>loi</b>
de- <b>rai</b>	da- <b>nau</b>	be- <b>roi</b>
en-je- <b>lai</b>	e- <b>nau</b>	bo- <b>doi</b>
gu- <b>lai</b>	<b>fau</b> -na	<b>hoi</b>
<b>hai</b> -ran	gu- <b>rau</b>	ka- <b>loi</b>
jun- <b>tai</b>	ham- <b>bau</b>	mer- <b>poi</b>

i-nai	i-gau	pe-roi
ki-rai	jang-kau	se-koi
long-lai	ka-sau	se-poi
me-te-rai	li-mau	tam-poi
ni-lai	mau-la-na	tem-poi
pu-nai	ngi-au	
ran-tai	pu-kau	
se-na-rai	ran-jau	
ti-rai	sau-da-gar	
un-tai	tau-bat	
wa-hai	ung-kau	
zai-tun	wau	

Ada juga yang keliru dengan huruf yang dinamakan sebagai **huruf vokal rangkap** kerana huruf-huruf yang terkandung dalam vokal rangkap juga sama seperti huruf diftong iaitu **ai**, **au**, dan **oi**. Huruf vokal rangkap hanya merupakan huruf kembar diftong. Pada dasarnya huruf vokal rangkap akan dipisahkan oleh pembahagian suku kata iaitu mengikut bunyi sebutan atau perubahan kedudukan lidah. Berikut diberikan contoh kata yang termasuk dalam huruf vokal rangkap:

<b>ai</b>	<b>au</b>	<b>oi</b>
a-ja-ib	a-ka-un	ko-ir
a-ka-id	ba-u	he-ro-in
ba-ik	da-un	al-ka-lo-id
ba-it	da-up-da-up	re-pe-to-ir
ca-ir	e-la-un	
da-if	fir-da-us	
pa-is	ka-um	

## Borang Cadangan

Nama: .....

Alamat Sekolah/Pejabat/Rumah: .....

.....

.....

No. Tel. Bimbit: ..... No. Tel. Sekolah/Pejabat: .....

Alamat e-mel: .....

Sila kemukakan sebarang usul dan pandangan awda:

.....

.....

.....

.....

Alamatkan kepada:

Ketua Editor **Riak Bahasa**  
Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam

Tel.: 2380472 (Faksimile)  
2382511 sambungan 127, 128, 130, 155, 158

atau e-mel: kb\_bahasa@brunet.bn



